

MANCIS kayu menggunakan belereng telah dicipta sejak Dinasti Qi Utara pada tahun 577 Masihi.



KEBANYAKAN mesin berasal dari Jerman dan digunakan sejak awal pembukaan kilang mancis Cap Lada.



SEORANG pekerja menggunakan loyang besi yang berisi batang mancis sebelum dimasukkan ke mesin pembungkusan.

# Mancis kayu masih ada permintaan

Kilang Mancis Kelantan merupakan antara premis yang masih terus menghasilkan bahan bakar itu sejak lapan dekad lalu biar bersaing hebat dengan pemetik api.

KOSMO 16/12/11  
MS 22

**S**UASANA gelap malam hanya ditemani cahaya kelim lilin yang sesekali mati ditiup angin. Setiap kali perkara merenyahkan itu berlaku, dia cepat-cepat mengambil sebuah kotak kecil dengan lambang sebatang cili merah.

Di dalamnya, terisi puluhan batang-batang mancis. Lantas lelaki berusia 47 tahun itu mengambil satu daripadanya dan mengoeseknya dengan



Oleh MOHAMMAD HAFIZ AHMAD  
rencana@kosmo.com.my

mancis keluaran Kilang Mancis Kelantan itu sudah berusia lebih 80 tahun digunakan seluruh penduduk di Malaysia.

Malah, sekitar tahun 50-an hingga 70-an, mancis kayu boleh dikatakan menjadi item wajib yang digunakan untuk menghidupkan dapur

meneruskan rutin hariannya dengan dibantu 35 orang pekerja termasuk Mariani yang bekerja di bahagian pembungkusan.

Namun, menurut Mahmud, setiap pekerja tidak diletakkan di bahagian yang khusus kerana mereka akan ditukarkan mengikut keperluan kilang.

Jika di bahagian pemotongan kayu kekurangan orang, pekerja yang ada akan ditugaskan untuk membantu.



uan menggeseknya dengan kepingan sulfur di tepi kotak untuk menyalakannya.

"Ah! patah pula!" getus **Mariani Muhammad** sendirian dan terus mencuba sehingga lilin mendapat bara api. Selepas tiga gesekan, baru dia berjaya dan kotak mancis itu terus disimpan di atas almari makanan bagi mengelakkan diambil oleh anak-anak kecilnya.

Tanpa disadari, kotak

untuk menghidupkan dapur, menyalakan lampu minyak dan menyalakan puntung rokok.

Tahun ini, masuk tahun ke-20 **Mahmud Mohd. Noor** bekerja di kilang yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Bermula sebagai pekerja bawahan, pada umur 77, dia kini ditugaskan sebagai penyelia kilang.

Sehingga kini, bangunan dengan keluasan 2,023 meter persegi itu masih kukuh

"Lagipun pengeluaran produk kilang tidak seperti dahulu yang boleh mencecah sehingga suku juta sehari.

"Hari ini, ia semakin sedikit memandangkan permintaan mancis kayu sudah berkurangan," ujarnya yang sibuk membantu pekerja membuat pembungkusan kotak-kotak mancis.

Kejatuhan jumlah kuantiti itu didorong oleh penggunaan

*PARA pekerja saling membantu menyelesaikan kerja-kerja di kilang yang masih mengekalkan cara tradisional.*

*KOTAK dipastikan tidak rosak sebelum diletakkan mancis.*



MAHMUD menunjukkan mesin yang digunakan untuk melekatkan campuran belereng pada batang mancis.



pemetik api moden.

Ujar Mahmud, proses pembuatan kotak mancis Cap lada itu melalui pelbagai peringkat bermula dari pemotongan kayu sehinggalah ke proses akhir membungkus satu karton yang mempunyai 12 kotak kecil mancis.

"Ada lebih 10 mesin besar dan kecil digunakan untuk membuat kotak mancis dan sebahagian besar mesin dibawa masuk dari Jerman sudah digunakan sejak puluhan tahun dahulu," terang Mahmud.

## Import

Kayu merupakan bahan utama untuk pembuatan mancis yang digunakan dalam membuat batang dan lapisan luar kotak.

Kilang tersebut hanya membuat kotak dan mancis sahaja manakala batangnya pula dibeli dari China bagi mengurangkan kos penyelenggaraan.

Bongkah kayu sebesar lebih kurang 90 sentimeter akan dipotong menjadi kepingan-kepingan papan menggunakan sebuah mesin.

"Daripada papan tersebut, ia dimasukkan ke sebuah mesin besar yang akan memotong papan kepada beberapa bahagian kecil," kata Mahmud.

Tambahnya, dalam mesin yang sama, kepingan kecil itu akan dicantumkan menjadi lapisan dalam kotak mancis.

Ia akan disusun secara teratur untuk dipindahkan ke bahagian pemalut bahagian luar kotak mancis yang merangkumi pelek jenama dan bahan sulfur untuk pembakaran.

Proses ini melibatkan tiga mesin dengan tenaga kerja antara lima hingga tujuh orang. Pekerja diperlukan bagi memastikan kotak-kotak berada pada kedudukan dan tidak berselerak untuk proses seterusnya iaitu memasukkan batang mancis.

jumlah pekerja yang ramai, mereka diperlukan bagi melihat dengan teliti sepanjang proses itu kerana ada kotak-kotak yang tidak terisi dengan batang mancis.

"Kotak-kotak tersebut akan dikumpulkan untuk dihantar semula ke bahagian awal dan jika terdapat kerosakan, ia akan dialihkan dan terus dibuang," terang penyelia operasi, Wee Soon Ngan.

Kotak-kotak yang berisi mancis itu akan dihantar ke bahagian pembungkusan menjadi karton-karton menggunakan sebuah mesin kecil.

Mesin tersebut akan membungkus kotak-kotak kecil menggunakan sekeping kertas biru. Bahagian atasnya dilekatkan jenama syarikat itu yang berwarna kuning dan menjadi signatur sejak lapan dekad dahulu.

Bagi Mariani, biarpun permintaan mancis kayu semakin berkurangan, ia masih boleh terus 'hidup' kerana masih ada yang menggunakannya sehingga hari ini.

"Kita lihat sahaja syarikat ini yang masih beroperasi sehingga lapan dekad membuktikan mancis kayu masih ada permintaan," katanya yang sudah bekerja di kilang itu sejak sedekad lalu.

Soon Ngan menceritakan, kilang tersebut pada awalnya dimiliki oleh seorang peniaga dari Bombay, India dan beralih tangan ke beberapa pemilik luar dan tempatan.

Ia diambil alih sepenuhnya oleh peniaga tempatan, Tan Chon San pada tahun 1995 sehingga ke hari ini dengan sebuah cawangan kilang di Taiping, Perak.

Pada awal pengeluaran, kilang itu mempunyai lebih 200 orang pekerja



SOON NGAN (kiri) dan Mariani membetulkan kedudukan kotak mancis sebelum dibungkus.

KOSMO 16/12/14 MS23

juga tidak banyak sekitar 40 hingga 50 karton sehari," kata Soon Ngan.

Selain pengeluaran yang berkurangan, kilang juga berdepan dengan masalah pembekal kayu sekali gus menyebabkan kuantiti mancis terpaksa dihadkan.

## Teknologi

Memandangkan mesin yang ada hanya khusus membuat mancis kayu, kilang itu tidak mampu mengisi permintaan pasaran pemetik api.

"Kami tidak mempunyai teknologi yang cukup untuk membuat pemetik api dan disebabkan itu kilang hanya boleh membuat mancis kayu sahaja," kata Soon Ngan.

Walaupun begitu, kualiti tetap dikekalkan kerana ia menjadi kekuatan kepada syarikat dan mengekalkan kepercayaan pengguna.

Biar pun terus diasak dengan kepantasan arus komoditi, Kilang Mancis

KOTAK mancis dilekatkan jenama syarikat iaitu Cap Lada yang berwarna kuning.




Sebuah mesin lagi diperlukan untuk memasukkan bahan belerang pada bahagian atas mancis. Dalam mesin itu juga, batang mancis akan dimasukkan ke dalam kotak.

“Walaupun tidak melibatkan

mempunyai lebih 200 orang pekerja dan mempunyai dua shif bekerja. Ia membuktikan pasaran mancis kayu ketika itu sangat besar.

“Tetapi, kini pekerja terpaksa dikurangkan kerana pengeluaran

kemodenan, Kilang Mancis Kelantan terus utuh bersama mesin-mesin usang bagi memberi cahaya dan kehangatan kepada pengguna setia.



SEBUAH mesin untuk memasukkan batang mancis ke dalam kotak.

# Kilang mancis tarikan pelancong di Kelantan



NOR AIDA

KEWUJUDAN api mengubah peradaban manusia daripada kehidupan kasar sehingga membentuk masyarakat berkeperibadian seperti yang dapat dilihat hari ini.

Teknologi kayu mancis menjadi penggalak kepada kehidupan yang lebih sempurna hasil ciptaan bangsa Cina dari Dinasti Qi Utara pada tahun 577 Masihi. Ketika itu, ranting pokok digunakan sebagai mancis yang diresap dengan campuran belerang.

Hanya selepas tahun 1669 mancis kayu yang digunakan hari ini dicipta oleh Hennig

Brand apabila menemui campuran yang lebih baik iaitu dengan menambah fosforus.

## Bertahan

Meneruskan legasi pembuatan mancis kayu sejak 80 tahun, Kilang Mancis Kelantan merupakan antara premis yang masih terus menghasilkan bahan bakar itu biar bersaing hebat dengan pemetik api.

Bermula dengan pekerja seramai 200 orang, kini syarikat yang terletak di Kota Bharu, Kelantan itu hanya mempunyai tenaga

kerja seramai 30 orang sahaja.

Hari ini, ia tidak hanya meneruskan operasi harian malah turut dijadikan lokasi tarikan pelancong memandangkan mancis kayu jenama Cap Lada itu merupakan item ikonik di negeri Cik Siti Wan Kembang.

Kilang itu menyimpan memori dan sejarah yang tersendiri dan mampu diangkat sebagai daya penarik unik industri pelancongan di Kelantan.

Menurut Pengarah Tourism Malaysia Kelantan, **Nor Aida Ismail**, kilang

tersebut mampu menarik pelancong luar kerana ia merupakan kilang mancis tertua di Tanah Melayu serta cara pembuatan yang masih tradisional dan konservatif.

“Setakat ini, pihak kami dalam rangka perbincangan bersama pemilik kilang itu untuk dijadikan salah satu lokasi wajib pergi di Kelantan kepada pelancong luar.

“Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai pelancongan pendidikan yang boleh dilawati oleh pelajar-pelajar sekolah,” ujarnya ketika ditemui *Kosmo!* semasa lawatan media ke kilang itu baru-baru ini.